

27/02/2003

KL suntik semangat baru untuk NAM terus berjuang

Misiah Taib

SIDANG Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) Ke-13 di Kuala Lumpur yang berakhir kelmarin dianggap sebagai yang terbaik pernah diadakan sepanjang 48 tahun usia penubuhannya serta diperakui sebagai paling berjaya.

Bukan saja pemimpin dan pegawai 112 daripada 116 negara anggota yang menghadiri persidangan enam hari itu memuji kecekapan Malaysia mengendalikan sidang kemuncak kali ini, malah sebahagian besar daripada 2,000 wakil media yang membuat liputan turut berpuas hati.

Rata-rata mereka memuji kejayaan Malaysia menjadikan sidang kali ini sebagai yang terbaik. Malah, pemimpin yang berucap pada persidangan itu turut memuji ketokohan serta kelantangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syabas Dr Mahathir, syabas Malaysia. Kejayaan itu telah menaikkan lagi imej Malaysia di mata dunia. Lebih daripada itu, kemampuan Malaysia untuk menyatukan pandangan perwakilan dalam isu-isu penting, termasuk mengenai Iraq dan Palestin, meletakkan Malaysia sebagai pengerusi NAM paling berjaya.

Pada akhir persidangan itu, negara anggota NAM sebulat suara meluluskan Deklarasi Kuala Lumpur yang membawa mesej ke arah keamanan dunia, selain memperakukan dua pernyataan berasingan, masing-masing mengenai Iraq dan Palestin.

Dokumen Akhir setebal lebih 300 bab pula mengandungi pelbagai aspek membabitkan masa depan pergerakan itu.

Apa yang pasti, sidang kemuncak itu memberi impak baru dalam proses penyuburan NAM dan menjadikannya lebih efektif dalam memperjuangkan keamanan serta keselamatan antarabangsa serta menyahut cabaran mengadakan pembangunan mapan untuk anggotanya.

Rata-rata negara anggota juga bersetuju mengenai peri pentingnya proses pelbagai hala dalam penyelesaian isu-isu antarabangsa.

Wakil Tetap Cyprus ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Sotos Zackheos, berpendapat mesej yang lahir di Kuala Lumpur ialah perakuan mengenai perlunya dicari penyelesaian damai. Apa yang perlu sekarang ialah iltizam politik dan kemahuan yang kuat di kalangan negara anggota.

Timbalan Perdana Menteri Pertama Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber

Al-Sabah, yang bercakap bagi pihak Asia, memuji Malaysia kerana berjaya memastikan sidang kali ini membuah hasil meskipun ia dirancang dalam jangka masa begitu singkat.

Bagi beliau, wawasan NAM akan dapat direalisasikan jika setiap anggotanya mematuhi semua keputusan yang dibuat.

Bagi Menteri Luar Guyana, Samuel Hinds, yang mewakili Amerika Latin dan Carribbean, perbahasan yang berlangsung telah menjana banyak idea dan

cadangan untuk isu antarabangsa.

"Kepemimpinan Dr Mahathir telah memainkan peranan besar dalam menjayakan perbincangan itu dan kami menanti dengan perasaan tidak sabar kepemimpinan Malaysia," katanya.

Deklarasi Kuala Lumpur setebal enam muka surat yang antara lain membawa mesej ke arah keamanan sejagat, menuntut keamanan dunia dipertingkatkan melalui dialog dan diplomasi di kalangan 116 negara anggota NAM serta mengelak paksaan bagi menangani konflik.

Negara anggota NAM juga mahu proses pelbagai hala menjadi kaedah tunggal dalam setiap tindakan bagi memelihara kepentingan negara anggotanya dan PBB.

Hasrat itu bertujuan mengukuhkan kepercayaan dan komitmen yang kuat terhadap ideal, prinsip dan tujuan NAM seperti digariskan dalam Deklarasi Bandung dan Piagam PBB, bagi mencapai matlamat mewujudkan orde dunia yang aman, makmur, lebih adil dan saksama.

Pernyataan dua halaman mengenai Iraq yang bertujuan menghindarkan peperangan, menggesa negara itu supaya mematuhi Resolusi Majlis Keselamatan PBB dan resolusi lain yang berkaitan, untuk melucutkan senjata.

NAM percaya langkah itu amat penting untuk membuka laluan bagi penyelesaian yang komprehensif dan aman terhadap semua isu tertanggung di antara Iraq dan PBB dengan mengambil kira kebimbangan semua pihak yang menerima kesannya, termasuk negara jiran Iraq.

Pemimpin NAM mengajak masyarakat antarabangsa memberi perhatian kepada konflik di Palestin dengan mewujudkan dialog keamanan membabitkan pihak berkuasa Palestin dan Israel.

Dalam pernyataan mengenai isu Palestin pula, pemimpin NAM mendesak pengunduran serta-merta tentera Israel dari wilayah Palestin pada kedudukan sebelum September 2000 serta melahirkan kebimbangan terhadap kemusnahan dan kerosakan berterusan yang dilakukan rejim Yahudi itu.

Isu Iraq dan Palestin selain Korea Utara jelas menjadi fokus utama perwakilan pada sidang kali ini. Semua negara anggota menentang peperangan.

Namun, agak malang isu yang lebih dekat di hati mereka - bantuan ekonomi dan kewangan selain isu sosial - ditenggelami isu semasa seperti krisis Iraq, Korea Utara dan Palestin.

Kemungkinan perwakilan dari negara mundur berasa lebih tertekan apabila isu politik antarabangsa lebih menjadi tumpuan, bukan saja di dalam bilik mesyuarat, malah di luar dewan, terutama di Pusat Media Antarabangsa (IMC).

Kebanyakan daripada kira-kira 2,000 wakil media lebih tertarik kepada isu serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq yang dijangka dilancarkan pada bila-bila masa.

Sebelum persidangan bermula 20 Februari lalu, beberapa negara termasuk Kemboja juga memberi harapan supaya isu penularan penyakit berjangkit

seperti HIV/Aids, akan turut diberi perhatian.

Kemboja yang diterima menjadi anggota NAM pada sidang kemuncak di Belgrade, Yugoslavia pada September 1961, turut menyandarkan harapan kepada pergerakan itu untuk mencari penyelesaian terhadap isu keganasan kebangsaan dan antarabangsa, jenayah merentas sempadan, kekacauan dan diskriminasi.

"Hampir semua negara Selatan berada dalam NAM dan kami di Afrika memerlukan bantuan pembangunan daripada isu ekonomi kepada sosial... ribuan menghadapi masalah HIV dan Aids," kata seorang wakil yang enggan namanya disiarkan.

Fokus sidang kali ini bagaimanapun lebih tertumpu kepada isu antarabangsa, khususnya Iraq dan Palestin, sambil menyeru PBB supaya mengambil kira kebimbangan semua pihak, terutama jiran Iraq. PBB juga diminta supaya tidak membuat sebarang pertimbangan berdasarkan desakan dan

tekanan kuasa besar tertentu.

Kelantangan Perdana Menteri dalam mengajak semua negara anggota supaya berjuang ke arah pengharaman peperangan jelas disambut baik oleh pemimpin

negara anggota yang tampak lebih berani bersuara pada sidang kali ini.

Dr Mahathir sendiri pada sidang akhbar lewat malam kelmarin melahirkan rasa puas hatinya berikutan sidang kali ini berjaya menyatu dan mendapatkan kesepakatan semua negara anggota berhubung masa depan pergerakan berkenaan.

Kesepakatan itu telah memudahkan sidang kemuncak kali ini mempersetujui

agenda yang dirundingkan pada peringkat menteri.

NAM, sebagaimana ditegaskan Perdana Menteri, tetap relevan kepada negara

anggota dan bukan sekadar talk show seperti didakwa oleh pihak tertentu.

Menyorot ucapan Perdana Menteri ketika perasmian sidang kemuncak berkenaan Isnin lalu yang kemudian disokong pemimpin negara anggota NAM, PBB mesti dirombak dan ia tidak lagi boleh terikat kepada hasil Perang Dunia yang tercetus setengah abad lalu.

Keyakinan bahawa perjuangan untuk mengharamkan peperangan dan mengawal senjata nuklear serta konvensional akan mendapat sokongan yang meningkat daripada kebanyakan rakyat di Utara, tidak sukar dimengertikan walaupun ia

satu tugas yang menggentarkan.

Bagi Dr Mahathir, NAM perlu memperjuangkan pengharaman peperangan. NAM mesti berjuang untuk memberhentikan penyelidikan dan pembangunan senjata konvensional yang lebih berbahaya. NAM perlu berjuang supaya perdagangan senjata dikawal dan yang lebih penting, berjuang untuk membentuk orde baru dunia, di mana demokrasi tidak hanya terhad kepada pentadbiran dalaman negara-negara tetapi juga pentadbiran dunia.

"Kita perlu berjuang untuk penyuburan semula PBB dan semangat multilateralisme. Kita mesti berjuang untuk menghapuskan atau mengubah kuasa yang dipegang oleh mereka yang menang peperangan yang berlaku setengah abad lalu.

"Kita menyedari bahawa kita lemah. Tetapi kita juga tahu kita mempunyai

sekutu di Utara. Mereka juga mahu menghapuskan perang dan pembunuhan manusia untuk apa-apa sebab sekalipun. Mereka mungkin tidak bersetuju dengan kita mengenai semua perkara. Namun berhubung tentangan terhadap

peperangan, ramai yang akan bersama kita. Mereka bersedia menentang pemimpin mereka yang cenderung kepada peperangan," katanya.

Sebagai kesimpulannya, Malaysia sudah menunjukkan jalan dan kini ia menjadi tuntutan kepada negara anggota NAM berjuang bersama-sama untuk badan kedua terbesar selepas PBB itu yang mewakili lebih separuh masyarakat dunia, untuk kekal relevan.

Kesepakatan negara dunia ketiga perlu muncul sebagai satu kuasa jika mereka mahu menjadi kumpulan berpengaruh dan berkesan pada peringkat antarabangsa.